

Lampiran

PROSEDUR PERMOHONAN *SOCIAL INNOVATION GRANT SCHEME (SIGS)* 2017

1.0 PENGENALAN

Skim Geran Sosial Inovasi (*Social Innovation Grant Scheme*) (*SIGS*) 2017 ini adalah bermatlamat membantu usaha kerajaan dalam menambah baik dan meningkatkan kebajikan sosial rakyat melalui transformasi pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan aspirasi komuniti. Geran ini adalah inisiatif Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menyediakan pembiayaan bagi mengerakkan sumber intelektual dan infrastruktur fizikal universiti untuk tujuan pembangunan komuniti setempat serta memupuk sifat ketanggungjawaban pihak universiti terutamanya golongan cendekiawan terhadap usaha meningkatkan taraf hidup dan kebajikan sosial komuniti berhampiran.

Geran ini juga berperanan bagi membantu salah satu indikator di dalam Malaysian Research Assesment (MyRA) iaitu Inovasi Sosial. MyRA diperkenalkan bagi menilai kapasiti Universiti Awam (UA) di Malaysia dalam mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan. MyRA diilhamkan berdasarkan konsep yang sejajar dengan perkembangan kepentingan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan penyelidikan dalam pembangunan sosio-ekonomi kebangsaan. Dengan evolusi negara dari ekonomi berasaskan tani ke industri dan seterusnya mencari kedudukannya dalam ekonomi pengetahuan dan inovasi global, penyelidikan menjadi amat penting untuk menyokong transformasi landskap sosio-ekonomi negara. Oleh itu, adalah satu keperluan untuk menilai agenda penyelidikan nasional dan agenda Universiti Penyelidikan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

2.0 TUJUAN

Geran ini akan membantu para penyelidik UUM untuk menyumbang secara terus kepada komuniti dengan menyediakan program kerjasama diantara kedua-dua pihak. Secara langsungnya, hasil daripada geran ini diharapkan dapat membantu mentransformasikan komuniti dari segi peningkatan pengetahuan, kemahiran, tingkah laku dan aspirasi.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini juga terbuka kepada semua bidang penyelidikan dengan hasil inovasi sosial yang memerlukan pembangunan tambahan bagi meningkatkan impak program dan bilangan komuniti yang mendapat manfaat. Geran ini terbuka kepada semua penyelidik UUM dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia.
- 3.2 Keutamaan diberikan kepada staf akademik bertaraf tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan dan Pensyarah).
- 3.3 Bagi staf pentadbiran bertaraf kontrak, termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama staf akademik warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.

4.0 PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

Permohonan dibuka **sehingga 15 Ogos 2017**.

5.0 PROSES PERMOHONAN GERAN

- 5.1 Permohonan perlu menggunakan borang yang telah disediakan seperti di **Lampiran A**.
- 5.2 Semua permohonan hendaklah dihantar kepada sekretariat di:

Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC)
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah

- 5.3 Semua permohonan geran perlu dilakukan secara pembentangan di hadapan panel penilaian dalaman/luaran yang akan dilantik oleh ICC berdasarkan kepada bidang penyelidikan yang sama/bersesuaian.

6.0 TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

Tempoh maksimum pelaksanaan projek adalah selama **enam (6) bulan**.

7.0 SKOP PEMBIAYAAN

- 7.1 Hanya lima belas (15) projek sahaja akan dibiayai setahun.
- 7.2 Pemohonan awal dan menepati syarat akan diutamakan.
- 7.3 Hasil projek mestilah berpotensi untuk memberi faedah kepada komuniti/industri; dan

- 7.4 Projek yang diadakan mestilah merupakan suatu projek yang unik dan baharu dengan kerjasama komuniti; atau
- 7.5 Projek yang diadakan mestilah merupakan suatu projek sambungan dengan kerjasama komuniti; atau
- 7.6 Projek yang diadakan berpotensi untuk menyumbang kepada penyelesaian permasalahan umum yang dihadapi oleh komuniti di Malaysia.
- 7.7 Projek dikehendaki untuk melibatkan sekurang-kurangnya **empat (4)** komuniti
- 7.8 Senarai komuniti seperti yang dimaksudkan terdapat di **Lampiran D**
- 7.9 Deskripsi projek:
 - i. Jumlah peruntukan yang dipohon adalah tidak melebihi jumlah siling yang telah ditetapkan.
 - ii. Projek yang disertai dengan **Surat Pernyataan Hasrat** (*Letter of Intent*) dari mana-mana sektor awam/swasta adalah diberi keutamaan.
 - iii. Laporan kemajuan/akhir projek harus mempunyai elemen penarafan bintang *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) sekurang-kurangnya **tiga bintang**. Sila rujuk Lampiran C untuk maklumat lanjut.
 - iv. Pembiayaan projek adalah **secara bersama** sektor awam/swasta samada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan.
 - v. Projek berpotensi dalam menghasilkan nilai **Impak positif** yang tinggi kepada komuniti. Antara impak ialah perubahan positif dari segi pengetahuan/ kemahiran/ tingkah laku atau aspirasi. Pengukuran impak perlu dilakukan sebelum dan selepas program (*Pre- and Post-Testing*)
 - vi. Menyediakan **dokumen ringkas** yang menyenaraikan nama, jawatan, bidang kepakaran dan peranan penyelidik dalam projek yang dilakukan.

8.0 KUANTUM PEMBIAYAAN

Jumlah maksimum yang diperuntukkan bagi setiap projek adalah sebanyak **RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja)**.

9.0 PERATURAN KEWANGAN

- 9.1 Semua penyelidikan mesti mengikut Peraturan Kewangan Universiti.

10.0 PENILAIAN PERMOHONAN GERAN

- 10.1 Penilaian geran akan dibuat oleh panel dalaman yang terdiri daripada pensyarah yang bersesuaian dengan penyelidikan dan/atau juga panel luar

jika perlu.

- 10.2 Jawatankuasa Penilaian geran akan memperakukan keputusan permohonan dan memaklumkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI).
- 10.3 Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Perkara 3.0 dan Perkara 7.0.
- 10.4 Carta Alir Proses Permohonan Geran boleh dirujuk di **Lampiran B**.

11.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

Surat kelulusan projek akan dimajukan kepada Ketua Projek dan salinan akan diberikan kepada ahli projek oleh pihak RIMC.

12.0 PEMANTAUAN PROJEK

- 12.1 Projek yang telah dianugerahkan geran penyelidikan ini akan dipantau dari aspek kemajuan projek oleh ICC dan perbelanjaan kewangan oleh RIMC.
- 12.2 Pembelian aset adalah hak milik UUM dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 12.3 UUM berhak untuk menggantung atau menarik balik sokongan untuk projek yang telah berjaya mendapatkan peruntukan geran sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada perjanjian.

13.0 HASIL PENYELIDIKAN

- 13.1 Merekodkan perubahan komuniti terbabit dari segi pengetahuan atau kemahiran atau tingkah laku atau aspirasi hasil daripada pemindahan ilmu dan teknologi.
- 13.2 Perlu menghasilkan satu penerbitan di dalam jurnal bertaraf SCOPUS atau penerbitan bab dalam buku.
- 13.3 Penyelidik dikehendaki untuk memohon perlindungan harta intelek sekurang-kurangnya copyright atau mana-mana yang bersesuaian ke atas hasil projek itu melalui ICC.
- 13.4 Penyelidik perlu menyediakan laporan akhir yang menunjukkan penarafan bintang *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) sekurang-kurangnya 3 bintang. (sila rujuk **Lampiran C**).

14.0 IMPLIKASI PROJEK

Semua projek yang berjaya mendapatkan geran akan dipantau daripada aspek:

- 14.1 **Prestasi projek**

Projek yang menerima geran akan dipantau berdasarkan kepada carta pambatuan (*Gantt chart*) yang perlu disediakan oleh pemohon. Ketua Projek perlu menghantar laporan prestasi setiap 3 (tiga) bulan sekali kepada ICC dan perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilai.

14.2 Prestasi kewangan

Laporan kewangan juga perlu disediakan dan diserahkan kepada ICC dan RIMC dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penilai setiap 3 (tiga) bulan seperti mana laporan prestasi projek.

15.0 PERANAN PENYELIDIK

- 15.1 Memastikan projek yang diadakan mampu memberi faedah kepada komuniti yang terlibat.
- 15.2 Memastikan borang permohonan/kemajuan/pemantauan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar mengikut jadual.
- 15.3 Melaksanakan penyelidikan dengan baik dan beretika serta mengikut prosedur yang ditetapkan serta sentiasa menjaga nama baik universiti.
- 15.4 Memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual dan diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 15.5 Mengemukakan laporan kemajuan secara berkala dan laporan akhir kepada sekretariat.
- 15.6 Melaksanakan pengukuran impak program sebelum dan selepas program dilakukan.

16.0 SYARAT PENUTUPAN GERAN

- 16.1 Mengisi Borang Laporan akhir penyelidikan seperti di **Lampiran D**.
- 16.2 Perlu menyediakan bukti pembiayaan program (samaada dari aspek kewangan atau lain-lain).
- 16.3 Perlu menyediakan surat kerjasama dengan industri/agensi yang terlibat.
- 16.4 Perlu menyediakan bukti bahawa program menghasilkan perubahan yang positif dari segi pengetahuan, kemahiran, tingkah laku atau aspirasi.
- 16.5 Perlu menyediakan bukti yang menunjukkan program mengerakkan sumber dan kepakaran dengan institusi yang dinilai.
- 16.6 Menerbitkan satu penerbitan di dalam jurnal bertaraf SCOPUS atau penerbitan bab dalam buku.
- 16.7 Berjaya mendaftarkan perlindungan harta intelek ke atas hasil projek melalui ICC.

17.0 DEKLARASI

Semua maklumat di atas adalah tertakluk kepada pindaan yang dibuat oleh UUM.
Maklumat terkini boleh didapati daripada laman web ICC.